



Laporan Interim ERC

PADA 13 Januari lalu, susulan kajian yang mendalam selama setahun, Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya (ERC) telah mengemukakan laporan interim yang terdiri daripada 49 syor kepada kerajaan bagi tujuan penambahbaikan sistem dan undang-undang. Syor ini terkandung dalam laporan yang diserahkan kepada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Kajian ERC antara lain memfokuskan kepada 15 komponen kajian, iaitu sistem pilihan raya, badan pengurusan, pendaftaran pengundi dan parti politik, kawalan kempen, pembiayaan politik dan kebebasan media. Selain itu, proses pilihan raya, kod etika, pemerhati, penguatkuasaan undang-undang, kerajaan sementara, kerjasama awam dan institusi serta pendidikan sivik dan pengundi.

Mengulas mengenai kandungan laporan interim yang diserahkan itu, Pengerusi ERC, Tan Sri Ab. Rashid Ab. Rahman yakin lebih 30 syor boleh dilaksanakan semasa Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15 kelak. Hal ini dikatakan demikian kerana syor terbabit hanya membabitkan pindaan kecil terhadap undang-undang pilihan raya dan Perlembagaan Persekutuan, manakala selebihnya memerlukan masa yang lebih panjang.

Ab. Rashid menjelaskan, antara syor yang mudah dilakukan termasuklah penstrukturan semula SPR kepada tiga entiti bebas, iaitu suruhanjaya itu sebagai badan menguatkuasakan undang-undang pilihan raya, Pilihan Raya Malaysia, dan sebuah badan khusus untuk mengendalikan urusan pilihan raya, manakala Suruhanjaya Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya (EBC) akan memfokuskan urusan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Tiga badan yang disyorkan itu akan membolehkan pilihan raya dikendalikan dengan lebih berkesan, telus dan adil. "Tiada lagi masalah SPR dituduh tidak adil, banyak menyebelahi parti pemerintah dan sebagainya. Hal ini boleh dilaksanakan segera dengan perubahan undang-undang," kata beliau sambil menambah syor tersebut akan mengukuhkan keyakinan rakyat dan pemegang taruh ke atas proses perjalanan pilihan raya. "Kita hendak melihat pembaharuan menyeluruh, serta memasyarakatkan sistem pilihan raya," ujar beliau.

Syor itu kata beliau, merupakan hasil kajian terhadap amalan pilihan raya di beberapa buah negara maju, seperti New Zealand, Australia, Kanada, United Kingdom dan Jerman. Selain itu, SPR akan diberi kuasa dalam urusan pendaftaran parti politik dan audit dana perbelanjaan pilihan raya supaya tidak berlaku penyelewengan dan salah guna kuasa. Amalan sekarang, pendaftaran politik dilakukan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS).

Jawatankuasa khas yang terdiri daripada 18 orang ahli ini turut mengesyorkan agar tanggungjawab pendaftaran parti politik

diberikan kepada SPR, bukannya RoS. Hal ini sama seperti yang dilaksanakan di negara maju, iaitu pendaftaran parti politik diletakkan di bawah pengurusan pilihan raya. Dengan itu, SPR boleh mengawal pergerakan parti politik dengan lebih dekat. ERC juga membuat syor supaya perbelanjaan politik dan pilihan raya dikawal selia melalui satu bentuk undang-undang. Selain itu, ERC juga mengesyorkan supaya kerajaan memberikan sumbangan kepada parti politik.

Laporan interim juga mengesyorkan perubahan dalam sistem pilihan raya, iaitu sistem pemegang undi terbanyak atau dalam bahasa Inggerisnya *first-past-the-post* (FPTP) bagi pilihan raya peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), manakala perwakilan berkadar (berdasarkan undi popular) bagi kerusi Parlimen. Bersandarkan kepada FPTP, pengundi memilih calon pilihan mereka, manakala perwakilan berkadar memerlukan pengundi memilih parti. Maka, parti yang popular akan mendapat kerusi terbanyak di Dewan Rakyat. Pembahagian kerusi berdasarkan kepada undi diterima oleh sesebuah parti.

Mengenai akses kepada media dan peranan pengamal media semasa pilihan raya, ERC mencadangkan agar undang-undang berkaitan digubal bagi menjamin liputan media yang adil kepada semua pihak ketika pilihan raya. Undang-undang ini juga akan memastikan wartawan dilayan dengan adil oleh semua pihak terutama calon dan parti semasa pilihan raya. "Kita mahu media berlaku adil dalam membuat liputan supaya masyarakat faham mengenai perjuangan dan kedudukan semua parti dan calon. Pada akhirnya, rakyat tahu menilai siapakah yang sesuai untuk dipilih, bukan hanya bagi wakil rakyat, tetapi parti yang menubuhkan kerajaan," ujar Ab. Rashid.

Bagi tujuan itu, ERC juga telah mengadakan perbincangan dengan Suruhanjaya Komunikasi dan

Jawatankuasa khas yang terdiri daripada 18 orang ahli ini turut mengesyorkan agar tanggungjawab pendaftaran parti politik diberikan kepada SPR, bukannya RoS. Hal ini sama seperti yang dilaksanakan di negara maju, iaitu pendaftaran parti politik diletakkan di bawah pengurusan pilihan raya.

Multimedia Malaysia (SKMM). Sebagai contoh, apabila tempoh berkempen sudah tamat, kempen juga tidak boleh dilakukan menerusi media sosial. Banyak negara melakukan kawalan seperti ini, contohnya Filipina yang mempunyai Akta Pilihan Raya Adil, yang mencakupi setiap aspek dalam peraturannya dan hanya dipakai pada musim pilihan raya sahaja. Keperluan ini selaras dengan syor tempoh bertenang selama dua hari yang hendak diperkenalkan di bawah pembaharuan pada kali ini. Media juga akan dilarang daripada menyiarkan hasil tinjauan umum semasa hari pengundian.

Satu lagi syor penting adalah berkaitan dengan garis panduan pengendalian kerajaan sementara. ERC mengesyorkan supaya diadakan satu konvensyen bertulis atau manual kabinet bagi kerajaan sementara, bukan hanya mengikut konvensyen atau adat yang ada sebelum ini. Selain itu, badan pengurusan pilihan raya turut disyorkan memperbanyak tempat mengundi bagi mengurangkan masa menunggu dan menyediakan kemudahan atau kaedah lain yang fleksibel kepada pengundi. Dari segi penamaan calon, selain boleh dilakukan di pusat penamaan calon,

ERC mengesyorkan supaya dilakukan secara dalam talian dan tempoh penamaan calon dipanjangkan, iaitu lima hari.

Ab. Rashid menjelaskan bahawa, ERC tidak akan mengambil seratus peratus apa-apa dilaksanakan di luar negara. "Kita akan ikut acuan kita. Tunggu saja cadangan (laporan penuh) yang akan kita kemukakan nanti".

ERC telah ditubuhkan oleh kerajaan pada Ogos 2018 bagi mengkaji sistem dan undang-undang pilihan raya sedia ada. Tugas utama ERC termasuklah mengemukakan cadangan dan syor bagi memastikan pilihan raya di Malaysia dilaksanakan dengan sempurna, mengikut standard yang dicapai oleh negara demokrasi yang maju dan bagi mendapatkan kepercayaan awam sepenuhnya.

Selepas enam dekad, negara sedang mengkaji untuk membawa penambahbaikan menyeluruh ke atas sistem dan undang-undang pilihan raya negara. Apabila dilaksanakan kelak, pastinya akan membawa wajah baharu dalam gelanggang persaingan. Adil untuk semua. □

Penulis ialah Ahli Jawatankuasa Khas
Pembinaan Sistem dan Undang-undang
Pilihan Raya.